

Benita Harian

8 April 2016

Ketua jabatan perlu kreatif anjur kursus atasi had bajet

Kota Samarahan: Ketua jabatan dalam perkhidmatan awam disaran berfikiran lebih kreatif mengatasi had bajet dalam memenuhi keperluan tempoh latihan tujuh hari setahun bagi setiap penjawat awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata walaupun Kementerian Kewangan mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menggantung tempoh keperluan latihan dan kursus, usaha memenuhi keperluan latihan tujuh hari masih boleh dilakukan.

"Ketua jabatan sentiasa boleh menganjurkan beberapa kursus dalam jabatan atau kelompok jabatan di kawasan sama dengan mengurangkan kos.

"Ia tidak membabitkan kos pajakan dan penyewaan atau kos perjalanan," katanya pada program kuliah tahunan bertajuk 'Menginsankan Perkhidmatan Awam: Mengutamakan Rakyat' di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani.

Februari lalu, JPA mengeluarkan arahan mengenai penggantungan kursus asas tujuh hari setahun bagi semua anggota perkhidmatan awam untuk memberi ruang kepada semua agensi kerajaan menyusun semula kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) berdasarkan keutamaan dan keperluan anggota sektor awam mengikut kemampuan kewangan agensi kerajaan.